



Haiwan ada hak dari segi kebajikan

BARU-BARU ini saya sempat meluangkan masa dengan seorang calon doktor falsafah baru di universiti yang berasal dari Itali. Anna baru beberapa bulan menjejakkan kaki di Nottingham untuk melanjutkan pelajaran di Nottingham Trent University.

Sungguhpun baru mengenali, kami begitu mudah mesra, mungkin kerana Anna adalah bekas seorang wartawan di negaranya dan dia mengakui yang dia tidak dapat melupakan bidang ini dan rasa amat gembira kerana menemui seorang rakan baru dalam bidang sama.

Dengan susah payah membawa kek yang berbungkus cantik dari Itali, Anna bercerita mengenai pengalaman ngerinya yang pernah disoal siasat polis berhubung laporannya dalam media berkaitan hak dan perlindungan haiwan.

Bercakap soal ini, agak menarik juga jika kita lihat akta berkaitan perlindungan binatang di Itali. Menurut laporan berita akhbar harian bandar Turin, *La Stampa*, bandar itu mewartakan undang-undang yang ketat terhadap binatang peliharaan, terutama anjing.

Jika Itali sendiri yang mengisytiharkan negaranya sebagai negara yang cintakan binatang, mempunyai undang-undang tersendiri mengenai haiwan peliharaan dengan denda mencapai 10,000 euro (kira-kira RM4,600) dan setahun penjara, bandar Turin meletakkan peruntukan jauh lebih terperinci.

Pembela binatang seperti anjing boleh didenda sehingga 500 euro jika tidak membawa anjing mereka keluar berjalan-jalan sekurang-kurangnya tiga kali sehari. Maksudnya, anjing tidak boleh dibiarkan terkurung sepanjang hari. Tuan punya anjing juga tidak dibenarkan mengubah warna bulu anjing mereka sehingga anjing nampak seperti barang mainan.

Lebih menarik ialah pemilik anjing di Turin tidak boleh membawa anjing mereka berlari terlalu jauh sehingga membuatkan anjing berkenaan keletihan.

Jika ditinjau pula undang-undang berkaitan haiwan secara amnya di seluruh dunia, Amerika Utara, negara di utara Eropah, Australia dan New Zealand adalah negara paling ketat undang-undang berkaitan perlindungan dan hak haiwan. Undang-undangnya komprehensif dan mampu memberi perlindungan terbaik kepada haiwan.

Undang-undangnya juga merangkumi haiwan peliharaan dan haiwan liar serta menjelaskan sikap perikemanusiaan yang perlu ada dalam jiwa manusia terhadap haiwan. Selain itu, penguatkuasaan undang-undang juga dilaksanakan dengan tegas dan berterusan.

Dari segi sejarahnya, undang-undang berkaitan haiwan yang pertama diwartakan di negara yang berbahasa Inggeris ialah di Ireland pada 1635. Richard Ryder adalah orang pertama mengharamkan tindakan mengeksploitasi bulu biri-biri yang dikatakan sebagai kekejaman yang jelas kepada binatang. Pada 1641, undang-undang diwartakan secara rasmi untuk me-

lindungi haiwan dilaksanakan di Amerika Utara.

Di England khususnya, Undang-Undang Keganasan Terhadap Haiwan diwartakan pada 1876, tetapi pelaksanaannya tidak begitu memberangsangkan. Undang-undang awal ini semuanya merujuk kepada binatang peliharaan dan hanya pada 1981, binatang liar mula diberi perhatian dan perlindungan. Di Scotland, perkembangan terbaru menunjukkan negara itu mengharamkan pemburuan haiwan pada 2002.

Neil Trent dan rakan-rakan yang menulis buku mengenai undang-undang haiwan meletakkan benua Asia, Afrika dan Russia antara rantau yang paling rendah pelaksanaan perlindungan haiwan. Di Asia, masalah umum perlindungan haiwan terletak pada kurangnya peruntukan bagi haiwan terbiar, kurang perlindungan kepada haiwan peliharaan serta haiwan liar dan kurangnya kesedaran terhadap kebajikan haiwan.

Masalah di kebanyakan negara Afrika pula lebih cenderung dipengaruhi masalah ekonomi dan budaya di tempat itu sendiri. Namun, Afrika Selatan dan Caribbean mempunyai undang-undang haiwan 'atas kertas' yang cukup sempurna jika dibandingkan negara lain. Malangnya, masalah utama ialah dari segi pelaksanaan yang tidak diberi perhatian oleh pihak berkuasa terbabit.

Sebaliknya, Amerika Tengah dan Jepun yang dikategorikan sebagai negara yang berada pada tahap sederhana dari segi perlindungan haiwan, menunjukkan minat dan kesungguhan untuk meningkatkan pelaksanaan undang-undang.

Paling utama, untuk meningkatkan tahap perlindungan haiwan di mana-mana negara di dunia, kesedaran di peringkat individu adalah amat penting. Menurut Trent, faktor kesihatan manusia sendiri boleh dipengaruhi kesihatan haiwan serta reaksi pelancong dilihat sebagai antara faktor utama yang perlu dititikberatkan dalam membuat keputusan mengenai kebajikan haiwan, membuat sebarang peruntukan undang-undang dan menjadikan kebajikan haiwan sebagai salah satu isu penting kerajaan.

Faktor budaya dan politik agak unik di setiap negara yang masih mempunyai tahap kebajikan haiwan yang rendah tidak boleh sentiasa menjadi penghalang pelaksanaan undang-undang berkaitan haiwan yang jelas dan tegas. Haiwan juga ada nyawa dan mempunyai hak tersendiri dari segi kebajikan.

Dalam hal ini, peruntukan undang-undang yang jelas dan pelaksanaannya perlu supaya negara Barat tidak boleh menuding kepada kita dengan tuduhan sebagai zalim dan tidak berhati perut kepada haiwan.

Penulis ialah pensyarah Universiti Sains Islam Malaysia (Usim), kini melanjutkan pelajaran peringkat doktor falsafah di Nottingham Trent University, United Kingdom



ASIA, Afrika dan Russia didakwa antara rantau yang paling rendah pelaksanaan perlindungan haiwan.